



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE CONCEPT OF INCREASING AND REDUCING FAITH ACCORDING TO THE ISLAMIC PERSPECTIVE]

KONSEP BERTAMBAH DAN BERKURANG IMAN MENURUT PERSEKTIF ISLAM

MASAKAREE ARDAE @NIK MUHAMMAD SYUKRI NIK WAN^{1*}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah,
33000, Bukit Chandan, Kuala Kangsar,
Perak, Malaysia.

*Corresponding author: masakaree@kuisas.edu.my

Received Date: 7 Januari 2015 Date: 9 Januari 2015

Abstract

This article seeks to identify the definition of faith by examining the increasing and decreasing of faith according to Islamic perspective. This issue is important as a basic principle for developing the spiritual and physical aspect to be a good Muslim. Due to the above purpose, serious attention is given to the textual analysis which involves library research. As a result from the research, faith in Islam believes in the heart which can be proven and done with such practices. In this issue, the underlying texts and opinions by scholars only proves the increasing of faith rather than the decreasing of faith. However they tried to proves the decreasing of faith by correlation methods and also by Hyponymy and Hypernym.

Keywords: faith, Mukmin, the evidence of faith, the increasing of faith, the decreasing of faith.

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti pengertian iman dan meneliti tanggapan bertambah dan berkurangnya menurut perspektif Islam. Hal ini penting kerana ia melibatkan asas pembangunan kerohanian dan material yang dilaksanakan oleh setiap Muslim yang setia kepada Allah Taala Yang Maha Esa. Bagi mencapainya tujuan di atas makalah ini menggunakan analisis kandungan melalui data kajian ke perpustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa iman adalah membenarkan perkara-perkara yang ghaib, di bukti dan disempurnakan dengan amalan-amalan. Dalam hal ini juga, nas yang disandarkan oleh para ulama hanya membuktikan iman itu bertambah bukan berkurang. Namun mereka berusaha membuktikan iman berkurang menerusi kaedah *al-luzum* dan kata umum dan khusus.

Kata kunci: iman, Mukmin, bukti-bukti iman, iman bertambah, iman berkurang.

Cite as: Masakaree Ardae @Nik Muhammad Syukri Nik Wan. 2015. Konsep bertambah dan berkurang iman menurut perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1): 141-148

PENGENALAN

Agama yang diwahyukan Allah Taala menerusi malaikat Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w. merangkumi tiga komponen asas; Islam, iman dan ihsan. Untuk menyempurnakan agama yang diterima dan diperjuangkan maka ketiga-tiga komponen tersebut adalah diperlukan. Komponen Islam adalah lebih luas daerahnya daripada komponen iman, komponen iman pula, lebih luas daerahnya daripada komponen ihsan. Oleh yang demikian, seorang yang bersifat dengan sifat ihsan sudah pasti beliau adalah seorang Mukmin dan seorang Mukmin pula, sudah pasti adalah seorang Muslim.

Para sahabat telah berpegang teguh dengan segala suruhan dan larangan yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sehingga berlakunya pembunuhan khalifah Omar al-Khatab pada tahun 23 Hijrah. Dengan pembunuhan tersebut maka bermulalah siri pembunuhan dan peperangan yang memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian umat Islam yang telah dibina oleh Nabi Muhammad s.a.w. Pada akhir abad pertama dan awal abad ke dua hijrah muncullah beberapa kelompok di dalam kalangan orang-orang Islam yang dikenali sebagai *Khawarij*, *Shi,ah*, *Murjiah*, *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Mu,azilah* dan lain-lain.

Kemunculan kerajaan Arab Saudi pada tahun 1932M. telah mengubah arus sistem pendidikan Islam di rantau tersebut ke arah ajaran Ibn Taymiyyah (1262-1327M.) dan Muhammad, Abd al-Wahhab (1703-1792M.). Isi seruan ajaran mereka ialah usaha pengembalian kepada nas-nas atau dalil-dalil al-Quran dan hadis serta menghilangkan segala macam tambahan yang datang kemudian (Noer, 1980 : 324-325, Hamka, 1983 : 22 dan Fakhry, 1989 : xxiii).

Misi kembali kepada nas-nas atau dalil-dalil al-Quran dan hadis telah berjaya dipasarkan secara kecil-kecilan di alam Islam sehingga memaksa pihak berkuasa berusaha ke arah memperkukuhkan ahli ilmu dalam mempertahankan akidah Islamiah yang sahih menerusi penganjuran seminar, konvensyen, penerbitan dan sebagainya. Antaranya Konvensyen Aqidah Antarabangsa, anjuran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada 2-4 Disember 2014 bertempat di Auditorium D'Sury, Kompleks Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan.

Makalah ini bertujuan untuk membincang serta memperkukuhkan hujah-hujah dan keterangan tentang salah satu komponen asas bagi agama Islam iaitu komponen iman yang merupakan komponen pertengahan antara Islam dan ihsan. Apakah yang dimaksudkan dengan iman?, adakah iman itu bertambah dan berkurang? dan apakah kaedah yang digunakan dalam memperkukuhkan pandangan-pandangan yang dikemukakan? Dalam menjawab persoalan tersebut, makalah ini akan dimulakan dengan pengertian iman, diikuti dengan pandangan para ulama terhadap persoalan iman bertambah dan berkurang serta kaedah yang digunakan dalam menyelesaikan permasalahan tersebut dan diakhiri dengan kesimpulan.

PENGERTIAN IMAN

Dalam mengenal pasti pengertian iman terdapat dua kumpulan yang berbeza pandangan;

pertama, kumpulan yang tidak mengasingkan antara iman dan amalan zahir, kedua, kumpulan yang mengasingkan antara iman dan amalan zahir. Kumpulan pertama bermula dengan sebuah hadis yang bermaksud: Iman adalah mengenal dengan hati, berkata dengan lidah dan beramal dengan rukun-rukun (anggota badan). Hadis Daif (Ibn Majah, t.th.: 1: 26)

Pengertian tersebut turut diadaptasi kemudiannya oleh Imam al-Syafi'i dan juga pengikutnya iaitu Abu Bakr Muhammad bin al-Husain bin „Abd Allah atau yang lebih dikenali sebagai al-Aajurri. Imam al-Syafi'i (t.th. : 28) mengemukakan: Iman adalah mengenal dengan hati, mengakui dengan lidah dan beramal dengan rukun-rukun.

Manakala al-Aajurri (1995: 102) pula, mengemukakan: Membenar dengan hati, mengakui dengan lidah dan beramal dengan anggota.

Pengertian iman yang dikemukakan adalah merangkumi tiga komponen utama; mengenal atau membenar dengan hati, mengakui atau menyatakan syahadah dengan lidah dan mengamalkan rukun-rukun dengan anggota badan yang zahir seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya.

Al-Hasan al-Basri dan al-Bukhari mengemukakan pengertian iman hanya dua komponen sahaja. Menurut al-Hasan al-Basri sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Abi Syaibah (2006: 30988 dan 36359) iman itu adalah suatu yang tersemat di dalam hati dan dibuktikan dengan amal. Manakala al-Bukhari (1379: 1: 46) pula, mengemukakan iman itu hanya perkataan dan perbuatan. Walau bagaimanapun Ibn Hajar al-„Asqalani (1379: 1: 46) masih percaya bahawa pengertian iman yang diberikan oleh al-Bukhari adalah merangkumi tiga komponen kerana menurut beliau dimaksudkan dengan perkataan adalah mengucap dua kalimah syahadah, manakala perbuatan adalah umum termasuk amalan hati seperti iktikad dan juga amalan segala anggota badan seperti ibadah.

Pengertian iman yang dikemukakan oleh kumpulan pertama ini, bukan hanya berkaitan dengan rukun iman, sebaliknya ia ada kaitan juga dengan rukun Islam iaitu menyatakan syahadah dan mengamalkan rukun-rukun dengan anggota badan yang zahir seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Pengertian iman yang dikemukakan oleh Imam al-Syafi'i turut dikemukakan kemudiannya oleh Muhammad Rais (2004: 49-50).

Adapun kumpulan kedua pula, Imam Abu Hanifah (1971: 29) mengemukakan iman adalah al-Iqrar wa al-Tasdiq iaitu mengakui dan membenarkan. Abu Muntaha yang mengulas kenyataan Imam Abu Hanifah (1971: 30) menyatakan maksud perkataan “al-Iqrar” sebagai “mengakui dengan lidah” dan perkataan “al-Tasdiq” sebagai “membenarkan dengan hati”. Pengertian iman yang dikemukakan merangkumi dua komponen sahaja iaitu “mengakui dengan lidah” dan “membenarkan dengan hati”. Sekalipun pengertian iman yang dikemukakan tidak melibatkan amalan-amalan zahir, namun ia masih lagi ada kaitan dengan rukun Islam iaitu mengakui dengan lidah. Oleh yang demikian, kesemua mereka tetap bersepakat pengertian iman itu ada kaitan dengan rukun Islam kerana menurut Imam Abu Hanifah (1971: 32) tidak mempunyai iman tanpa Islam dan tidak ada Islam tanpa iman.

Seterusnya, Muhammad Yusni „Abd Allah (t.th.: 123) memberi maksud iman yang melibatkan hanya satu komponen sahaja iaitu membenarkan. Pengertian iman yang dikemukakan sama sekali tidak melibatkan mana-mana amalan zahir dan juga rukun-rukun Islam.

Menurut Ibn Taymiyyah (2005: 7: 183) perkataan iman adalah perkataan yang tidak serupa pengertiannya dengan perkataan “al-Tasdiq” (membenarkan). Perkataan “al-Tasdiq”

boleh digunakan pada khabar yang zahir dan ghaib, sedangkan perkataan iman pula digunakan hanya pada khabar yang ghaib sahaja.

Walau bagaimanapun al-Khazin (1979: 1: 29) pernah mentafsirkan perkataan iman sebagai “al-Tasdiq” pada firman Allah Taala yang bermaksud: Mereka berkata: "Wahai ayah kami, sesungguhnya kami pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf di dekat barang-barang kami, lalu dia dimakan serigala; dan kamu sekali-kali tidak akan percaya (Mu'min) kepada kami, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar". Surah Yusuf 12: 17

Pentafsiran perkataan “Mu'min” (yang beriman atau yang percaya) kepada perkataan “Musaddiq” (yang membenarkan atau percaya) juga pernah dilakukan sebelumnya oleh Ibn „Abbas (t.th.: 194), al-Tabari (1997: 7: 159) dan al-Baghawi (1409: 4: 222).

Perbezaan antara dua kumpulan di atas berlaku disebabkan kumpulan pertama memperkenalkan iman yang martabatnya lebih tinggi dan sempurna iaitu iman yang tidak berasingan dengan amalan-amalan zahir atau dengan kata lain iman yang percaya dengan hati dan dibuktikan dengan amalan-amalan zahir yang dianjurkan dalam agama. Manakala kumpulan kedua pula, mengemukakan pengertian iman yang lebih menjurus kepada sudut bahasa iaitu membezakan antara pengertian perkataan iman yang merupakan soal kepercayaan dan amalan-amalan yang dilaksanakan di luar kepercayaan.

Dalam hal ini juga, Muhammad Yusni „Abd Allah (t.th.: 124) menjelaskan bahawa pandangan pertama boleh disandarkan kepada firman Allah Taala yang bermaksud: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah yang mendapat keamanan dan mereka itu adalah orang-orang yang mendapat petunjuk. Surah al-An'am 6: 82

Manakala pandangan kedua pula, boleh disandarkan kepada firman Allah Taala yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa. Surah al-Baqarah 2: 183

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, kelak Allah yang Maha Pemurah akan menanamkan dalam (hati) mereka rasa kasih sayang. Surah Maryam 19: 96

PANDANGAN ULAMA TERHADAP IMAN BERTAMBAH DAN BERKURANG

Ramai para ulama Salaf dan juga para pengikutnya yang mengakui bahawa iman itu bertambah dan berkurang. Menurut Imam Abu Hanifah (1971: 30) iman penghuni langit dan bumi tidak bertambah dan tidak berkurang dari segi yang berimankan, akan tetapi bertambah dan berkurang dari segi meyakinkan dan membenarkan. Nukilan Muhammad Rais (2004: 51) yang mengatakan Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa iman itu tidak boleh bertambah dan tidak boleh berkurangan adalah iman dari segi yang berimankan bukan dari segi meyakinkan dan membenarkan.

Dalam hal ini juga, Imam Ahmad bin Hanbal (t.th.: 15) percaya bahawa iman itu bertambah dan berkurang kerana beliau berkeyakinan bahawa setiap yang bertambah akan berkurang. Seterusnya, beliau sandarkan kepercayaan beliau kepada firman Allah Taala yang bermaksud: Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini menambah imannya, dan mereka merasa gembira. Surah al-Taubah 9: 124

Dan supaya orang yang beriman bertambah imannya. Surah al-Mudaththir 74: 31

Menurut Ibn Kathir (2000: 7: 322) ayat ini merupakan bukti terbesar bahawa iman itu

adalah bertambah dan berkurang. Hakikat bertambah dan berkurang iman juga, turut dikemukakan oleh Imam al-Bukhari (1379: 1: 45), Imam al-Nawawi (1929: 2: 67), Fuad „Ali Mukhaimar (t.th.: 39), Abu „Urwah (1989: 89-90), Al-„Uthaimin (1415H.: 3: 134), Al-Athariy (2003: 39), Muhammad Syukri Salleh (2003: 28), Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin (2007: 109), Abid Muhammad Noor (2014: 187-196) dan lain-lain. Muhammad Rais (2004: 50) percaya bahawa pendapat iman boleh bertambah dan boleh berkurangan adalah pendapat pengikut-pengikut al-Imam Abu al-Hasan al-Asy„ari (873-935M.).

Imam al-Bukhari (1379: 1: 45) turut menyandarkan pandangan beliau kepada beberapa ayat lain, selain ayat 31, surah al-Mudassir (74) dan ayat 124, surah al-Taubah (9) yang pernah disandarkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal (t.th.: 15). Ayat-ayat yang menjadi sandaran Imam al-Bukhari (1379: 1: 45) adalah firman Allah Taala yang bermaksud: (Iaitu) orang-orang (yang mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka". Maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung". Surah Ali „Imran 3: 173

Kami kisahkan kepadamu (Muhammad) cerita ini dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah pula untuk mereka petunjuk. Surah al-Kahf 18: 13

Dan tatkala orang-orang Mukmin melihat golongan-golongan yang bersekutu itu, mereka berkata: "Inilah yang dijanjikan Allah dan Rasul-Nya kepada kita". Dan benarlah Allah dan Rasul-Nya. Dan yang demikian itu tidaklah menambah kepada mereka kecuali iman dan ketundukan. Surah al-Ahzab 33: 22

Dan Allah akan menambah petunjuk kepada mereka yang telah mendapat petunjuk. Dan amal-amal soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya. Surah Maryam 19: 76

Dan orang-orang yang mahu menerima petunjuk, Allah menambah petunjuk kepada mereka dan memberikan balasan ketakwaannya. Surah Muhammad 47: 17

Dia-lah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang Mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah ada). Dan kepunyaan Allah-lah tentera langit dan bumi dan adalah Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana. Surah al-Fath 48: 4

Dalam hal ini juga Abu „Urwah (1989: 89-90) bersandarkan kepada ayat lain, selain ayat ke-124 surah al-Taubah yang telah dikemukakan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dan ayat 22, surah al-Ahzab (33) yang telah disandarkan oleh Imam al-Bukhari (1379). Ayat yang disandarkan adalah firman Allah yang bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang bila disebut nama Allah gemetar lah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayat-Nya bertambahlah iman mereka (kerananya). Surah al-Anfal 8: 2

Ayat 124, surah al-Taubah (9) yang telah disandarkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, ayat 13 surah al-Kahf (18), ayat 17, surah Muhammad (47), ayat 4, surah al-Fath (48) yang telah disandarkan Imam al-Bukhari (1379: 1: 45) dan ayat 2, surah al-Anfal (8) yang telah disandarkan oleh Abu „Urwah (1989: 89-90) juga menjadi sandaran kepada Muhammad Kamil Dahir (1993: 88-89).

Sekalipun ada pihak yang mendakwa Imam Malik berpendapat bahawa iman itu

bertambah tetapi beliau berdiam apabila ditanya tentang berkurangnya seperti al-Qadi, Iyad atau al-Sabti (1983: 2: 43) dan Ibn Taymiyyah (2005: 7: 142). Sebenarnya, berdiam Imam Malik terhadap pertanyaan tersebut bukan berarti beliau menafikan berkurangnya iman seperti dinukilkan oleh Muhammad Rais (2004: 52). Sebaliknya, beliau tidak mengemukakan apa-apa pendapat tentang hal tersebut. Ini disebabkan tidak ada nas-nas yang jelas tentang berkurang iman seseorang, yang ada hanya nas-nas yang berkaitan dengan bertambah iman sahaja.

Dalam hal ini juga, al-Sya'rawi telah mengemukakan pandangan yang berbeza. Menurut beliau (1991: 6: 3390) pandangan iman bertambah dan berkurang adalah berdasarkan beriman kepada hukum yang diturunkan oleh Allah Taala sebagaimana firman-Nya pada ayat 124, surah al-Taubah (9). Setiap kali diturunkan hukum baru maka bertambahlah iman orang-orang Islam dengan beriman kepada hukum tersebut serta menjalaninya. Adapun kemuncak ikatan iaitu beriman kepada Allah Taala ia tidak berkurang dan bertambah.

Kaedah Penetapan Iman Bertambah Dan Berkurang

Para ulama berjaya membuktikan Iman bertambah menerusi hujah-hujah dan keterangan nas-nas al-Quran yang amat jelas. Adapun iman berkurang pula para ulama tidak berjaya membuktikan hujah dan keterangan dengan jelas seperti membuktikan iman bertambah. Walau bagaimanapun mereka berusaha memperkukuhkan pandangan para ulama sebelum mereka menerusi kaedah-kaedah yang diterima pakai oleh para ilmuwan Islam.

Kepercayaan Imam Ahmad bin Hanbal turut diperkukuhkan oleh Al-,Uthaimin. Menurut Al-,Uthaimin (1415H.: 3: 134) kepastian bagi ada penambahan adalah ada kekurangan. Ini merupakan petunjuk al-Quran bagi membuktikan kekurangan iman secara *al-luzum* (kepastian). Kaedah yang dikemukakan merupakan kaedah *al-luzum al-kulli al-'am* yang mengikatkan di antara kedua dalam setiap situasi, masa dan perkiraan kemungkinan atau yang dikenali oleh Ahli Mantik sebagai *luzum al-bayyin* (kelaziman yang nyata) (al-Qarafi, 1998: 388).

Manakala seorang ulama berasal daripada Turki iaitu Abdullah Abdul Hamid al-Athari atau yang dikenali sebagai Abdullah Yolcu (2003: 39) percaya bahawa Iman bertambah dan berkurang menerusi amalan hati, amalan anggota badan dan ucapan lidah seperti ketaatan dan beribadat. Seterusnya, beliau (2003: 40) menjelaskan bahawa al-Quran selalu mengaitkan iman dan amalan yang memberi maksud bahawa Iman adalah kata umum (Hipernim) manakala amal pula adalah kata khusus (Hiponim). Dengan kata lain amalan adalah sebahagian daripada Iman. Penambahan amalan membuktikan penambahan Iman dan pengurangan amalan membuktikan pengurang Iman.

Amalan adalah khusus daripada Iman dan Iman pula adalah umum daripada amalan. Pengertian umum dan khusus yang dikemukakan oleh Al-Athari pernah dibicarakan sebelumnya dalam Ilmu Mantik di bawah tajuk *al-Kulliyat al-Khamsah* (lima yang universal).

Amalan adalah sebahagian daripada iman pernah dijelaskan oleh Rasulullah dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari (1379: 1: 51) dan Muslim (1998: 48) yang bermaksud: Iman ada enam puluh lebih cawangannya, dan malu bertempat adalah satu cawangan daripada keimanan. (al-Bukhari: 9, Muslim: 35)

Dalam hal ini, „Umar al-,Arbawi (1984: 139-140) percaya bahawa kaitan antara iman dan amal merupakan kaitan yang tidak dapat dipisahkan antara iman dan semua urusan agama.

Di sinilah iman itu dikategorikan sebagai bertambah dan berkurang iaitu bertambah menerusi ketaatan dan berkurang menerusi kemaksiatan.

Demikianlah para ulama berjaya memperkukuhkan berkurang iman menerusi dua kaedah penting yang dipersetujui oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah pada sepanjang zaman iaitu kaedah *al-luzum* dan kaedah kata umum dan kata khusus. Kedua-dua kaedah ini juga turut diterapkan di dalam ilmu-ilmu Islam yang lain seperti Usul Fiqh, Ulum al-Quran, Balaghah dan sebagainya.

KESIMPULAN

Iman adalah membenar dengan hati serta membuktikan kebenarannya secara zahir dan menyempurnakannya dengan beramal soleh. Konsep Iman bertambah dapat dibuktikan secara nas yang jelas, manakala konsep iman berkurang pula dapat diperkukuhkan dengan neraca kaedah kelaziman atau kemestian dan kelompok kata umum dan khusus.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
 al-Aajurri, Abu Bakr Muhammad al-Husain bin 'Abd Allah. (1995). *Kitab al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
 Abid Muhammad Noor. (2014). *Aqidah Yang Membawa Ke Syurga*. Selangor: Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd.
 Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. (2007). *Perbahasan Akidah Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
 Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit al-Kufi. (1971). "*Al-Fiqh al-Akbar*". dalam Abu Muntaha (Ed.). *Syarh al-Fiqh al-Akbar*. Karachi: Nur Muhammad.
 Abu 'Urwah. (1989). *Konsep-Konsep Umum Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
 al-„Arbawi, „Umar. (1984). *Kitab al-Tauhid al-Musamma al-Takhalli „an al-Taqlid wa al-Tahalli bi al-„Asl al-Mufid*. tk.: al-Waraqah al-„Asriyyah.
 al-Athari, „Abd Allah bin „Abd al-Hamid (2003). *Al-Iman Haqiqatuhu, Khawarimuhu, Nawaqiduhu „ind Ahl al-Sunah wa al-Jama„ah*. Riyadh: Madar al-Watan.
 al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud. (1409). *Tafsir al-Baghawi (Ma'alim al-Tanzil)*. Riyadh: Dar Tayyibah.
 al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah. (1379). "*Sahih al-Bukhari*" dalam Ibn Hajar al-„Asqalani (Ed.). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
 Fakhry, Majid (1989). *Sejarah Falsafah Islam, (terj.) dari A History of Islamic Philosophy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Fuad „Ali Mukhaimar. (t.th.). *Minhaj Allah fi Hidayat al-Basyar*. al-Qahirah: Mu"assah al-„Arabiyyah al-Hadithah.
 Hamka. (1983). *Pengajian Islam*, 2nd ed. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
 al-Khazin, 'Ala' al-Din 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi. (1979). *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Fikr.
 Ibn „Abbas. (t.th.). *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn „Abbas*. Abi Tahir bin Ya„qub al-Fairuz Abadi (Ed.), t.tp.: Dar al-Fikr.
 Ibn Abi Syaibah, Imam Abi Bakr 'Abdillah bin Muhammad bin Abi Syaibah al-'Absi al-Kufi. (2006). *Al-Musannaf*. Beirut: Dar Qurtubah.
 Ibn Hajar, Ahmad bin „Ali bin Hajar al-„Asqalani. (1379). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-*

- Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Hanbal, Ahmad. (t.th.). Kitab al-„Aqidah li Imam Ahmad bin Hanbal. http://www.4shared.com/get/dyDOYQBR/_____.html (16 Januari 2011)
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jizah: Mu'assah Qurtubah.
- Ibn Majah, al-Hafiz Abi „Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. (t.th.). Sunan al-Hafiz Abi „Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini Ibn Majah. t.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-„Arabiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad bin Taymiyyah al-Harrani. (2005). *Majmu'ah al-Fatawa*. al-Mansurah: Dar al-Wafaa.
- Muhammad Kamil Dahir. (1993). *Al-Da'wah al-Wahabiyyah wa Atharuha fi al-Fikr al-Islami al-Hadis*. Beirut: Dar al-Salam.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Muhammad Yusni „Abd Allah. (t.th.). Al-Kaukab al-Azhar Syarh al-Fiqh al-Akbar li Abi „Abd Allah Muhammad bin Idris al-Syafi,,i. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Tijariyyah.
- Muslim, Abu al-Husayn ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (1998). *Sahih Muslim*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- al-Nawawi, Abi Zakariya Yahya bin Syarf. (1929). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Misr: al-Miriyyah.
- Noer, Deliar (1980). *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: Djaya Pirusa.
- al-Qadi 'Iyad bin Musa bin 'Iyad al-Sabti. (1983). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik li Ma'rifat A'lam Mazhab Malik*. al-Maghrib: Wizarah al-Auqaf wa al-Sy'un al-Islamiyah.
- al-Qarafi, Abi „Abbas Ahmad bin Idris al-Shanhaji. (1998). *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Rais, Muhammad. (2004). *Bimbingan Mengenal Tauhid dan Akidah*: Singapura: Pustaka Nasional.
- al-Syafi,,i, al-Imam Abi „Abd Allah Muhammad bin Idris. (t.th.). *Al-Fiqh al-Akbar*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Tijariyyah.
- al-Sya'rawi, al-Syaikh Mutawalli. (1991). *Tafsir al-Sya'rawi*. Misr: Akhbar al-Yaum.
- al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (1997). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-„Uthaimin, Muhammad Saleh. (1415H.). *Al-Qaul al Mufid „ala Kitab al-Tauhid*. Riyadh: Dar al-„Asimah.